

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN PERTANDINGAN BADMINTON PIALA PUSINGAN PERDANA
1991
Lokasi : DEWAN SERBAGUNA TENAGA NASIONAL BERHAD, KUALA LUMPUR
Tarikh : 08-08-1991

Yang Berbahagia Dato' Napsiah Omar, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat; Yang Amat Berbahagia Isteri Menteri-menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri merangkap Ketua-ketua Pasukan Negeri-negeri; Tetamu-tetamu jemputan; Peserta pertandingan; Puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita bersyukur kepada Illahi kerana dapat berkumpul di sini sekali lagi untuk bertanding dalam Sukan Badminton.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, khasnya Yang Berbahagia Dato' Napsiah yang tentu sahaja sibuk dengan urusan Kementeriannya, namun sudi melapangkan masanya juga untuk merasmikan pertandingan Badminton Piala Pusingan Perdana 1991 ini. Kepada kalian saya ucapkan sebanyak terima kasih.

3. Begitu juga saya ucapkan penghargaan dan terima kasih saya kepada semua tetamu yang dengan kehadiran puan-puan dan tuan-tuan memeriahkan lagi majlis BAKTI ini.

Puan-puan dan tuan-tuan,

4. Pertandingan Badminton anjuran BAKTI ini bermula pada tahun 1985 dengan tujuan utamanya untuk bermesra di antara ahli-ahli BAKTI dengan isteri pemimpin-pemimpin Negeri melalui sukan ini. Tujuan kedua ialah untuk menggalakkan isteri-isteri pemimpin-pemimpin menyertai bidang sukan kerana ianya mempunyai banyak faedah daripada segi kesihatan fizikal dan mental. Tidak mengambilkira umur dan keadaan bentuk badan, badminton adalah satu sukan yang menjamin kesejahteraan badan dan pemikiran.

5. Tujuan ketiga adalah dengan pertandingan ini dianjurkan secara bergilir-gilir di negeri-negeri, maka Persatuan-persatuan yang berkenaan berpeluang menjadi tuan rumah dan pemain-pemain pula berpeluang melawat ibukota-ibukota negeri di Malaysia.

6. Pertandingan Badminton Piala Pusingan ini diwujudkan oleh BAKTI pada tahun 1985 dan telah terus menjadi tuan rumah yang pertama di Kuala Lumpur. Rebutan piala pusingan ketika itu ialah bagi Piala Pusingan Toh Puan Suhaila. Oleh kerana pasukan Bunga Tanjung dari Pulau Pinang menjadi juara, maka pada tahun 1986, pertandingan dilangsungkan di Pulau Pinang di mana Pasukan Bistari dari Melaka telah menjadi juara. Bistari telah menang lagi sekali pada tahun 1987 dan pada ketika itulah BAKTI memutuskan bahawa tuan rumah bagi tahun-tahun yang akan datang ditetapkan secara sukarela dan berpusingan.

7. Pada tahun 1988 Balkis, Selangor telah menjadi tuan rumah dan BAKTI menjadi juara. Pada tahun 1989, pusingan akhir Piala Toh Puan Suhaila, BAKTI telah mejadi tuan rumah dan telah membawa balik tetap Piala Pusingan Toh Puan Suhaila itu.

8. Pada tahun 1990 wujudlah Piala Pusingan Perdana bagi pusingan 5 tahun yang ke-2 dan Anggerek Bersatu, Sabah telah bermurah hati menawarkan diri sebagai tuan rumah.

Pertandingan itu dijadualkan pada bulan Disember 1990 dan persediaan giat telah dilakukan oleh pihak Anggerek Bersatu dan BAKTI. Malangnya pertandingan yang dijadualkan di Sabah telah dibatalkan dan BAKTI serta lain-lain pasukan badminton yang terlibat merasakan ini sebagai detik hitam dalam sejarah badminton BAKTI. Namun, hikmat daripada peristiwa ini ialah pasukan-pasukan negeri menunjukkan pakatan yang teguh dan bersetuju supaya dimulakan Pertandingan Piala Pusingan Perdana yang baru ini

dimulakan pada tahun 1991 untuk selama 5 tahun berikutnya.

Puan-puan dan tuan-tuan,

9. Saya bersyukur dengan semangat sukan yang ditunjukkan oleh pasukan-pasukan negeri. Sebelas pasukan badminton daripada Persatuan/Badan Isteri Pemimpin-pemimpin Negeri hadir pada pagi ini, kecuali Johor, Sabah dan Kelantan. Apa yang mengembirakan hati saya sekarang ialah, dalam usaha untuk berlatih dan meninggikan mutu permainan, negeri-negeri telah dengan sendirinya mewujudkan pertandingan persahabatan mengikut zon: sekarang sudah ada pertandingan 3 penjuru, 4 penjuru, zon utara dan zon tengah. Ini amatlah membanggakan dan saya mengucapkan tahniah kepada Badan-badan yang menganjurkannya. Saya berharap akan ada pula zon timur, termasuklah Sarawak. Saya pun berharap Kelantan, Sabah dan Johor akan mengambil bahagian kelak kerana saya percaya isteri pemimpin-pemimpin yang dahulunya menyertai pertandingan ini, ingin bermain semula. Pertandingan ini ada peraturan-peraturannya yang tertentu yang perlu dipatuhi dengan betul terlebih dahulu.

Puan-puan dan tuan-tuan,

10. Saya mengakhiri ucapan saya ini dengan sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Y.B. Dato' Napsiah kerana melapangkan masa merasmikan majlis ini nanti. Kepada pemain-pemain semua, saya sudahi dengan ucapan selamat bertanding.

Sekian.